



**PERALIHAN BAHASA BAJAU SAMA KOTA BELUD DALAM DOMAIN  
KHUSUS**

Oleh

**BERAWATI BINTI RENDDAN**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor  
Falsafah**

**Oktober 2020**

**FBMK 2020 70**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

## **PERALIHAN BAHASA BAJAU SAMA KOTA BELUD DALAM DOMAIN KHUSUS**

Oleh

**BERAWATI BINTI RENDDAN**

**Oktober 2020**

**Pengerusi : Prof. Madya Adi Yasran Abdul Aziz, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Masyarakat bahasa Bajau Sama Kota Belud ialah penutur dwibahasa. Majoriti penutur menggunakan bahasa ibunda dan bahasa Melayu dalam kehidupan seharian mereka. Oleh itu, fenomena peralihan bahasa Bajau Sama Kota Belud di Sabah jelas sedang berlaku. Hal ini mendorong penyelidik untuk menjalankan kajian tentang kemerosotan penggunaan kosa kata dan sikap terhadap bahasa ibunda, penggunaan bahasa dalam domain khusus serta faktor-faktor peralihan bahasa per se di Kampung Taun Gusi 1, Kota Belud, Sabah. Sebanyak 300 peserta kajian dipilih mengikut kajian keratan lintang dalam Teori Peralihan Bahasa (Fishman, 1991). Mereka ialah K20an (20-29 tahun), K30an (30-39 tahun), K40an (40-49 tahun) dan K50an (50-59 tahun). Penyelidik melaksanakan kaedah tinjauan dan temu bual berserta soal selidik, nota catatan lapangan dan transkripsi. Penganalisan data kajian dijalankan dengan aplikasi statistik deskriptif dalam SPSS. Penyelidikan ini menghasilkan tiga penemuan utama. Pertama ialah dimensi peralihan bahasa. Peratus pertuturan bahasa Bajau Sama sebagai bahasa ibunda telah merosot dari satu generasi ke satu generasi dan hanya tinggal 4% dalam kalangan K20an. Bagi pemahaman leksikal Bajau Sama Kota Belud, K20an memenuhi 'skala implikasi' Fishman (1991) dengan cara negatif. Pencapaian kata adjektif kumpulan ini hanya 32%, kata kerja (33.9%) dan kata nama (26.9%). Transmisi bahasa antara generasi dalam kalangan K20an adalah pada tahap 'Terancam' yang ditafsirkan sebagai 'Bahasa ibunda digunakan oleh kebanyakan generasi ibu bapa dan ke atas.' K30an, K40an dan K50an memilih tahap 'Tidak Selamat'. Respons sikap sangat setuju terhadap bahasa Bajau Sama paling ketara dalam kalangan peserta kajian K50an. Bukti statistik dengan purata 83.00 yang diperolehi K50an adalah yang tertinggi diikuti K30an (48.20), K40an (41.80), dan purata skor merosot dengan ketara sebanyak 23.20 dalam respons K20an. Dalam domain tidak formal seperti kekeluargaan, K20an paling kerap memilih bahasa Melayu. Bagi domain kejurangan, K20an dan K30an lebih kerap menggunakan bahasa Melayu. Semua kumpulan bertutur bahasa Melayu dalam aktiviti jual-beli. Dalam domain formal, iaitu pendidikan, semua kumpulan menggunakan bahasa Melayu. K20an

paling kerap menggunakan bahasa Melayu dalam domain keagamaan dan perkhidmatan. K50an masih kekal menggunakan bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam domain perkhidmatan. Kedua, faktor- faktor peralihan bahasa per se. Dislokasi fizikal terjadi apabila orang Bajau Sama meninggalkan kampung halaman kerana mobiliti sosial. Dislokasi demografi menunjukkan dari tahun 1991 hingga 2010, penduduk etnik Bajau Sama di Kota Belud, Sabah, telah berkurangan sebanyak 15,865 orang. Bagi dislokasi sosial, interaksi dalam bahasa Melayu ialah proses asimilasi yang lambat-laun menghakis bahasa ibunda. Ketiga, jenis fungsi dwibahasa. Didapati lebih ramai penutur dwibahasa koordinat dalam kalangan peserta kajian daripada dwibahasa kompaun. Dwibahasa koordinat menyumbang kepada alih kod kerana mereka ialah dwibahasa satu sisi. Kesimpulannya, disarankan agar kurikulum bahasa Bajau Sama diperkenalkan dalam sistem pendidikan di sekolah rendah demi mengekalkan daya hidup bahasa tersebut.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

## **LANGUAGE SHIFT OF BAJAU SAMA KOTA BELUD IN SPECIFIC DOMAINS**

By

**BERAWATI BINTI RENDDAN**

**October 2020**

**Chair : Assoc. Prof. Adi Yasran Abdul Aziz, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

The Bajau Sama Kota Belud language community is bilingual. The majority of its speakers use the mother tongue and Malay language in everyday life. Therefore, the language shift phenomenon in the Bajau Sama Kota Belud language in Sabah is clearly happening. This prompted the researcher to study about the decline in vocabulary use and speakers' attitude towards their mother tongue, the use of language in specific domains, and the factors of language shift per se in Kampung Taun Gusi 1, Kota Belud, Sabah. A total of 300 participants were selected based on the cross-sectional study in Language Shifting Theory (Fishman, 1991). They were grouped into K20s (20- 29 years), K30s (30-39 years), K40s (40-49 years), and K50s (50-59 years). The researcher implemented the survey and interview research methods along with questionnaires, field notes, and transcripts. Analysis of data was conducted with the application of descriptive statistics in SPSS. This research yielded three key findings. The first is the dimensionality of language shift. The percentage of Bajau Sama language spoken as a mother tongue has declined from one generation to another and this is only 4% among the K20s. For the lexical understanding of Bajau Sama Kota Belud, language, K20s meets Fishman's (1991) 'implication scale' in a negative way. The group achievement of adjectives is only 32%, verbs (33.9%), and nouns (26.9%). Intergenerational language transmission among the K20s is at the level of 'Threatened', which is interpreted as the 'mother tongue used by most generations of parents and above.' Meanwhile, K30s, K40s, and K50s choose the level of 'Not Safe'. The attitude response of strongly agreed with Bajau Sama language is the most evident among the participants in K50s. Statistical evidence with an average of 83.00 obtained by K50s was the highest, followed by K30s (48.20), K40s (41.80), whereas the average score declined significantly by 23.20 in K20s' responses. In the informal domain such as family, K20s mostly often choose the Malay language. As for the neighborhood domain, K20s and K30s more frequently use the Malay language. Meanwhile, all the groups choose to speak in the Malay language in purchasing activities. In the formal domain, namely education, all

the groups use the Malay language. K20s most frequently use Malay in the religion and services domains. In contrast, K50s still use the Bajau Sama Kota Belud language in the services domain. The second is the language shift factors per se. Physical dislocation occurred when the Bajau Sama people left their hometowns due to social mobility. Demographic dislocation shows that from 1991 to 2010, the Bajau Sama ethnic population in Kota Belud, Sabah, decreased by 15,865. For social dislocation, interaction in the Malay language is a process of assimilation that eventually erodes the mother tongue. The third involves the type of bilingual functioning. It was found that more coordinated bilingual speakers among the participants than compound bilinguals. Coordinate bilinguals contribute to code-switching because they are one-sided bilingualism. In conclusion, it is suggested that the Bajau Sama language curriculum be introduced in the current education system in primary schools in order to sustain the vitality of the language.

## PENGHARGAAN

Al-hamdulillah syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan segala limpahan kurnia dan pertolongan-Nya, tesis Peralihan Bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam Domain Khusus ini dapat dihasilkan. Pada kesempatan ini, penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Badan Organisasi dan individu yang telah menyumbang idea dan kepakaran dalam penghasilan tesis ini. Pertama, Profesor Madya Dr. Noor Aina binti Dani (mantan penyelia) dan Profesor Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz selaku penyelia, Dr. Shahril Nizam Bin Sha'ri, Datin Dr. Hasnah Binti Mohamad sebagai penyelia bersama tesis ini. Saranan, bimbingan, dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang penulisan tesis merupakan inti pati utama terhadap kejayaan penulisan tesis ini. Hanya Allah S.W.T jualah yang membalas segala kebaikan dan ilmu yang dicurahkan kepada penulis. Seterusnya, Jawatankuasa Persatuan Bahasa Bajau Sama (BSBB) negeri Sabah, Pengarah dan Penolong Pengarah Pejabat Daerah Kota Belud, Pustakawan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Pustakawan Perpustakaan Negeri Sabah, Pustakawan Perpustakaan Daerah Kota Belud, Ketua Kampung dan warga kampung Taun Gusi Kota Belud, Pengetua Sekolah Menengah Taun Gusi Kota Belud, dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Taun Gusi Kota Belud yang telah memberikan kerjasama penuh semasa pengambilan data dan maklumat berkaitan kajian kepada penulis sepanjang kajian ini dijalankan. Semoga bantuan diberikan ini menjadi ladang amal di akhirat kelak. Kelahiran tesis ini diharapkan akan merancakkan lagi kajian terhadap bahasa-bahasa sukuan dan menyumbang kepada kepelbagaian kajian Linguistik di Malaysia. Sekali lagi penulis merakamkan setinggi-tinggi ucapan Terima Kasih. Semoga Allah S.W.T mengganjari kita semua dengan sebesar-besar ganjaran, amin ya Rabb al-'Alamin.

Sallallahu Alaihi Wassalam.

“BERILMU BERBAKTI”

Berawati binti Renddan

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Hasnah binti Mohamad, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Sharil Nizam bin Sha'ri, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 8 Jun 2023



## JADUAL KANDUNGAN

	<b>Muka surat</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	<b>18</b>
2.1 Kemosrotan Penggunaan Bahasa Ibunda sebagai Implikasi Peralihan Bahasa	18
2.2 Sikap terhadap Bahasa Ibunda	28
2.3 Domain Penggunaan Bahasa	34
2.4 Faktor-faktor Peralihan Bahasa per se	42
2.5 Jurang Penyelidikan	51
<b>3 METODOLOGI</b>	<b>55</b>
3.1 Reka Bentuk Kajian	55
3.1.1 Kerangka Teoretis Teori Peralihan Bahasa (Fishman, 1991)	55
3.1.2 Kaedah Kajian	64
3.1.3 Populasi dan Pensampelan	68
3.1.4 Instrumen/Bahan	71
3.1.5 Tatacara Kajian	73
3.1.6 Pengumpulan Data	74
3.1.7 Penganalisan Data	75
3.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	78
3.3 Kerangka Konseptual	79
<b>4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>81</b>
4.1 Media Peralihan Bahasa sebagai Skala Implikasi Bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam kalangan Peserta Kajian	81
4.1.1 Bahasa Pertuturan Sebelum Bersekolah	81
4.1.2 Bahasa Pertuturan Setelah Bersekolah	83
4.1.3 Pemahaman Kata Nama Bahasa Bajau Sama Kota Belud	85
4.1.4 Pemahaman Kata Kerja Bahasa Bajau Sama Kota Belud	86

4.1.5	Pemahaman Kata Adjektif Bahasa Bajau Sama Kota Belud	87
4.2	Transmisi Bahasa Antara Generasi	89
4.3	Ketaraan Sikap terhadap Bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam kalangan Peserta Kajian Mengikut Kumpulan Umur	90
4.4	Pilihan Penggunaan Bahasa Peserta Kajian dalam Domain Khusus	92
4.4.1	Domain Kekeluargaan	92
4.4.2	Domain Kejiranan	96
4.4.3	Domain Jual-Beli	97
4.4.4	Domain Pendidikan	99
4.4.5	Domain Keagamaan	102
4.4.6	Domain Perkhidmatan	103
4.5	Topik Perbualan Ragam Rendah dan Ragam Tinggi	105
4.6	Faktor-faktor Peralihan Bahasa per se Bajau Sama Kota Belud	107
4.6.1	Dislokasi Fizikal dan Demografi	107
4.6.2	Dislokasi Sosial	108
4.6.3	Dislokasi Budaya	109
4.7	Persoalan Kajian	111
4.8	Perbincangan Hasil Kajian	113
4.9	Implikasi Kajian	117
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN UNTUK PENYELIDIKAN MASA DEPAN</b>	<b>120</b>
	<b>RUJUKAN</b>	<b>127</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>136</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>156</b>
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	<b>157</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
1.1 Strategi akulturasi	4
2.1 Penguasaan bahasa lisan GI, GII dan GIII dalam bahasa Batak Toba (BT) dan bahasa Indonesia (BI)	19
2.2 Komunikasi bahasa Kristang responden berumur 13-17 tahun	20
2.3 Bahasa yang diteruskan kepada anak-anak	21
2.4 Alasan masyarakat Bugis menggunakan bahasa Bali	22
2.5 Bahasa Cham di Malaysia dijangka tidak digunakan pada masa hadapan	25
2.6 Kesalahan kosa kata bahasa Dusun Tindal	26
2.7 Tahap pengetahuan golongan kata bahasa ibunda pelajar etnik Bisaya	27
3.1 Profil peserta kajian mengikut kumpulan usia	69
4.1 Pemahaman kata nama bahasa Bajau Sama	85
4.2 Pemahaman kata kerja bahasa Bajau Sama	86
4.3 Pemahaman kata adjektif bahasa Bajau Sama	87
4.4 Transmisi bahasa Bajau Sama antara generasi	90
4.5 Peratus sikap terhadap bahasa Bajau Sama mengikut kumpulan usia	91
4.6 Penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan K20an	93
4.7 Penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan K30an	93
4.8 Penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan K40an	94
4.9 Penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan K50an	95
4.10 Statistik penggunaan bahasa dalam domain kekeluargaan semua kumpulan usia	95

4.11	Penggunaan bahasa dalam domain kejranaan semua kumpulan usia	96
4.12	Statistik penggunaan bahasa dalam domain kejranaan semua kumpulan umur	97
4.13	Penggunaan bahasa dalam domain jual-beli	98
4.14	Statistik penggunaan bahasa dalam domain jual-beli semua kumpulan usia	98
4.15	Penggunaan bahasa dalam domain pendidikan K20an	99
4.16	Penggunaan bahasa dalam domain pendidikan K30an	100
4.17	Penggunaan bahasa dalam domain pendidikan K40an	100
4.18	Penggunaan bahasa dalam domain pendidikan K50an	101
4.19	Statistik penggunaan bahasa dalam domain pendidikan semua kumpulan usia	101
4.20	Penggunaan bahasa dalam domain keagamaan	102
4.21	Statistik penggunaan bahasa dalam domain keagamaan semua kumpulan usia	103
4.22	Penggunaan bahasa dalam domain perkhidmatan semua kumpulan usia	104
4.23	Statistik penggunaan bahasa dalam domain perkhidmatan semua kumpulan usia	105
4.24	Jumlah dwibahasa kompaun dan dwibahasa koordinat mengikut kumpulan usia	110

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Muka surat</b>
1.1	Daerah Etnik Bajau Sama Pantai Barat di Sabah	2
1.2	Konsep Akulturasi dalam Penyatuan Persekitaran Hidup Bajau Sama Kota Belud	5
1.3	Min Penggunaan Bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam Enam Domain	9
1.4	Min Bahasa Bajau Sama Kota Belud dan Bahasa Melayu Domain Jual-Beli	11
1.5	Daya Hidup Bahasa Bajau Pantai Barat	15
3.1	Pemboleh Ubah Dimensi Peralihan Bahasa dalam Teori Peralihan Bahasa (Fishman, 1991)	56
3.2	Sempadan Daerah Pentadbiran Berkuasa Tempatan Negeri Sabah	70
3.3	Tringulasi dalam Penganalisan Data Kajian	77
3.4	Kerangka Konseptual	79
4.1	Bahasa Pertuturan Sebelum Bersekolah Mengikut Kumpulan Usia	82
4.2	Bahasa Pertuturan Setelah Bersekolah Mengikut Kumpulan Usia	83
4.3	Kemerosotan Bahasa Bajau Sama Antara Kumpulan Usia	84
4.4	Purata Peratus Pemahaman Golongan Kata Bahasa Bajau Sama	88
4.5	Purata Ketaraan Sikap Mengikut Kumpulan Usia	92
4.6	Kadar Peratus Keturunan Ibu Bapa Peserta Kajian	111

## SENARAI SINGKATAN

BS	Bajau Sama
bBS	Banyak Bajau Sama
BS&bM	Bajau Sama & bahasa Melayu
bbM	Banyak bahasa Melayu
BSBB	Persatuan Bahasa Bajau Sama
B1	Bahasa Pertama
B2	Bahasa Kedua
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
dpd	daripada
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung
K20an	Kumpulan berusia 20-29 tahun
K30an	Kumpulan berusia 30-39 tahun
K40an	Kumpulan berusia 40-49 tahun
K50an	Kumpulan berusia 50-59 tahun
M	Melayu
PB	Peralihan Bahasa
SK	Sekolah Kebangsaan
SIL	<i>Summer Institute of Linguistics</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
UPM	Universiti Putra Malaysia
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization</i>

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

##### 1.1.1 Peralihan Bahasa

Komuniti penutur berubah daripada menggunakan satu bahasa utama kepada bahasa lain dalam proses yang dikenali sebagai peralihan bahasa. Secara khusus, Fishman (1991, h.1) mendefinisikan peralihan bahasa sebagai proses apabila kesinambungan bahasa warisan antara generasi berlangsung dengan negatif. Penutur, pembaca, penulis bahkan mereka yang memahami bahasa warisan semakin sedikit bagi setiap generasi. Walau bagaimanapun, dalam kebanyakan kes, peralihan bahasa lebih mendadak. Jumlah penutur menurun dengan drastik dari satu generasi ke generasi berikutnya. Dalam jawapannya kepada soalan 'mengapakah peralihan bahasa berlaku?', Fishman (1991, h.57) mencadangkan tiga kekuatan iaitu fizikal/demografi, sosial dan dislokasi budaya. Dislokasi fizikal dan demografi merujuk kepada perpindahan penduduk dan migrasi keluar secara sukarela atau tidak yang berlanjutan dan melibatkan semua peringkat generasi.


Peralihan bahasa ialah fenomena yang merujuk kepada tingkah laku bahasa keseluruhan komuniti, subkumpulan atau individu. Proses peralihan bahasa berlaku beransur-ansur yang menandakan perubahan dalam salah satu daripada berikut: bahasa utama, bahasa dominan kumpulan atau individu, bahasa dari satu atau lebih domain, bahasa eksklusif antara satu dan tiga kemahiran bahasa. Peralihan bahasa berlaku di bawah keadaan masyarakat tertentu: kehadiran kedwibahasaan, tahap status dan kekuasaan yang tidak sama rata antara dua bahasa dan kesan situasi politik, ekonomi dan sosial pada salah satu kelompok bahasa. Peralihan bahasa sering disempurnakan dalam tiga generasi. Migrasi, industrialisasi, dan perubahan ekonomi telah dianggap sebagai penyebab (Sarri, 2016, h.64). Menurut Clyne (2003, h.21), peralihan bahasa antara generasi yang melanda sesuatu masyarakat membentuk perubahan perilaku bahasa. Namun demikian, penyelidikan telah sampai kepada kesimpulan bahawa peralihan bahasa dan umumnya pilihan bahasa tidak boleh dipertimbangkan secara terpisah tetapi terhubung kepada pelbagai faktor, yang paling penting ialah faktor usia kerana tingkah laku bahasa yang berlainan berkaitan dengan usia.

Konsep peralihan bahasa dalam tesis ini ialah proses apabila masyarakat bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam satu situasi kontak (misalnya, yang terdiri daripada penutur dwibahasa) secara bertahap berhenti menggunakan bahasa Bajau Sama Kota Belud untuk bahasa yang lain (bahasa Melayu). Faktor-faktor penyebab peralihan bahasa umumnya ialah sosial, sikap penutur terhadap

bahasa dan domain penggunaan bahasa dalam masyarakat serta faktor sosial-makro lainnya. Penelitian tambahan difokuskan pada kesan peralihan bahasa, umumnya pada struktur alih kod. Selain itu, penyelidik berhasrat untuk mengkaji faktor-faktor peralihan bahasa dengan fokus pada variasi berdasarkan usia dalam masyarakat bahasa Bajau Sama Kota Belud.

### 1.1.2 Bajau Sama Kota Belud

Bajau Sama Kota Belud termasuk dalam keluarga Bajau Pantai Barat di Sabah. Penduduk tempatan lebih mengenali mereka sebagai Bajau Sama Kota Belud berdasarkan daerah permukiman di Kota Belud. Daerah permukiman Bajau Pantai Barat di Sabah yang lain ialah Tuaran, Kota Kinabalu, Papar, sedikit taburan di Tenom, Beaufort dan Kuala Penyu (Banker, 1984, h.111). Rujuk Rajah 1.1. berikut.



Rajah 1.1: Daerah Etnik Bajau Sama Pantai Barat di Sabah  
(Sumber: Banker, 1984, h.102)

Pada zaman dahulu, Bajau Sama Kota Belud mengusahakan tanaman padi dan ternakan kerbau dan kuda. Mereka terkenal dengan julukan nama 'kobi Sabah' kerana kebolehan mereka menunggang kuda. Pada masa ini cara hidup mereka telah berubah. Di samping masih ada yang kekal dalam bidang tani dan ternak, ramai yang telah beralih ke bidang perniagaan, penjawat awam dan pekerja agensi swasta. Bajau Sama Kota Belud ialah masyarakat dwisisi kognatik.



Sistem ini menekankan peranan ibu dan bapa adalah sama penting. Justeru, kaum ibu bekerjasama dengan bapa untuk mencari rezeki. Victor (1978, h.12) mengakui bahawa masyarakat dwisisi cenderung memilih untuk bekerjasama dengan kaum kerabat sedarah (seibu dan sebapa) dan kaum kerabat melalui perkahwinan. Salah satu perkataan kekerabatan Bajau Sama Kota Belud yang paling biasa digunakan ialah *denakan*, yang secara harfiah bermaksud 'saudara' juga boleh bererti 'keluarga' (misalnya 'sepupu'). Perkataan *denakan* juga digunakan sebagai kata sapaan kepada seseorang yang tiada hubungan keluarga sebagai tanda persahabatan. Berikut ialah istilah pertalian darah dalam (1) dan istilah perhubungan semenda dalam (2). Apabila kata sapaan berbeza daripada istilah kekerabatan, istilah sapaan ditunjukkan dalam kurungan (Miller, 2007, h.11).

- |    |                 |  |
|----|-----------------|--|
| 1. | <i>emma</i>     | (ayah atau datuk)  |
|    | <i>iyang</i>    | (emak atau nenek)  |
|    | <i>pa</i>       | (pakcik juga kata sapaan bagi lelaki sebaya usia ayah si penutur)    |
|    | <i>bu</i>       | (makcik juga kata sapaan bagi perempuan sebaya usia emak si penutur) |
|    | <i>ka</i>       | (saudara kandung yang lebih tua)                                     |
|    | <i>di</i>       | (saudara kandung yang lebih muda)                                    |
|    | <i>sioko</i>    | (saudara kandung tertua)   |
|    | <i>siari</i>    | (saudara kandung termuda)  |
|    | <i>kaki</i>     | (sepupu)   |
|    | <i>anak</i>     | (anak)   |
|    | <i>empu</i>     | (cucu)   |
|    | <i>anak bua</i> | (anak saudara lelaki/perempuan)                                      |
| 2. | <i>ella</i>     | (suami)  |
|    | <i>Endo</i>     | (isteri)   |
|    | <i>metoo</i>    | (mertua)   |
|    | <i>ayuwan</i>   | (anak mertua)  |
|    | <i>bayaw</i>    | (abang ipar)   |
|    | <i>langu</i>    | (kakak ipar atau saudara ipar)                                       |
|    | <i>biras</i>    | (adik-beradik ipar)  |

Keluarga dan rakan rapat sering disapa menggunakan nama panggilan, kecuali apabila yang disapa itu satu generasi lebih tua daripada penyapa. Nama panggilan biasanya dalam bentuk singkatan, seperti suku kata akhir nama seseorang.

### 1.1.3 Sejarah Awal Akulturasi Etnik Bajau Sama di Kota Belud

Dalam bahagian pengenalan ini, penyelidik menghuraikan dunia mobiliti sosial Bajau Sama di Kota Belud, Sabah. Huraian ini penting agar pembaca memahami sejarah awal akulturasi etnik tersebut dalam masyarakat etnik yang lebih besar. Makna akulturasi dalam dunia mobiliti sosial Bajau Sama berkisar pada struktur holistik. Dalam makalah tulisannya, Iziq et al (2017, h.116) menggunakan model Akulturasi Berry (2010) untuk menerangkan dunia mobiliti sosial Bajau Sama.


**Jadual 1.1: Strategi akulturasi**

<b>Strategi</b>	<b>Huraian</b>
Asimilasi	Apabila individu ingin mengeratkan hubungan dengan budaya lain sambil membuang budaya sendiri.
Pemisahan	Apabila individu ingin mengekalkan warisan budayanya dan mengelakkan pengaruh budaya lain.
Marginalisasi	Apabila individu tidak bersedia untuk membenarkan budaya lain meresap ke dalam hidup mereka sambil menunjukkan sedikit atau tidak ada penglibatan dengan budaya asalnya.
Integrasi	Apabila seseorang ingin mengekalkan budaya asalnya dan pada masa yang sama turut serta dalam budaya lain.

(Sumber: Iziq et al, 2017, h.116)

Model Akulturasi Berry (2010) dikategorikan kepada empat strategi sebagai hasil interaksi antara dua atau lebih etnik yang berbeza. Hasil interaksi dapat dibahagikan kepada dua, iaitu keutamaan menjaga budaya dan identiti sendiri serta menjaga hubungan di samping mengambil bahagian dalam masyarakat yang lebih besar bersama etnik lain. Berry (2010) mengusulkan empat strategi akulturasi yang digunakan untuk menggambarkan mobiliti sosial Bajau Sama. Empat strategi tersebut ialah asimilasi, pemisahan, marginalisasi dan integrasi. Akulturasi Bajau Sama di Kota Belud, Sabah memperlihatkan pergerakan beransur-ansur selama bertahun-tahun. Permukiman Bajau Sama di pantai barat Sabah telah melalui proses hubungan antara budaya dengan kelompok lain yang simbiotik kerana himpunan mereka. Sebagai contoh, kewujudan 'Tamu' di Sabah ialah hasil daripada himpunan dua etnik, iaitu Bajau Sama di Kota Belud dan etnik Dusun yang bertujuan untuk bertukar-tukar perkakasan, hasil tuaian, hasil laut dan ternakan serta barangan lain. Rujuk Lampiran A1.

Konsep akulturasi dalam penyatuan lingkungan hidup Bajau Sama di Kota Belud ada pada Rajah 1.2 berikut. Pada asalnya, orang Bajau Sama di Kota Belud ialah nelayan yang mahir, pembuat garam dan terlibat dalam perdagangan sementara orang Dusun mengerjakan pertanian dan penternakan. Hubungan yang terjalin selama bertahun-tahun memberi kesedaran kepada orang Bajau Sama untuk menerapkan gaya hidup orang Dusun yang sinonim dengan komuniti tani. Orang Dusun dipandang sebagai suku yang lebih baik kerana mereka dapat menghasilkan pendapatan mandiri melalui pelbagai hasil ladang. Prihatin dengan imej mereka sendiri, orang Bajau Sama pada masa itu memiliki kesedaran untuk bermukim lebih jauh ke kawasan pedalaman dan mengamalkan budaya orang Dusun ke dalam kehidupan mereka. Dalam situasi ini 'asimilasi' telah berlaku. Asimilasi mendorong suai atur banyak aspek budaya bermula dengan bahasa, cara berpakaian dan makanan (Iziq et al, 2017, h.116).



**Rajah 1.2: Konsep Akulturasi dalam Penyatuan Persekitaran Hidup Bajau Sama Kota Belud**  
(Sumber: Iziq et al, 2017, h.117)

Orang Dusun dipandang sebagai suku yang lebih baik kerana mereka dapat menghasilkan pendapatan mandiri melalui pelbagai hasil ladang. Prihatin dengan imej mereka sendiri, orang Bajau Sama pada masa itu memiliki kesedaran untuk bermukim lebih jauh ke kawasan pedalaman dan mengamalkan budaya orang Dusun ke dalam kehidupan mereka. Dalam situasi ini 'asimilasi' telah berlaku. Asimilasi mendorong suai atur banyak

aspek budaya bermula dengan bahasa, cara berpakaian dan makanan (Iziq et al, 2017, h.116).

Dari perspektif akulturasi, peralihan permukiman dari pesisir pantai ke daratan membuka peluang yang jauh lebih baik untuk bercucuk tanam, berdagang bahkan dibimbing oleh pemerintahan semasa. Peralihan domain mobiliti sosial Bajau Sama bermula setelah mereka bermukim di daerah Kota Belud. Sehubungan itu, mereka meninggalkan gaya hidup nomad secara kekal. Bajau Sama di Kota Belud telah melalui proses jangkauan sosial yang merubah gaya hidup mereka daripada berorientasikan kelautan ke arah komuniti tani. Bajau Sama di Kota Belud ialah contoh yang sempurna yang telah melalui proses permukiman di satu daerah. Faktor permukiman menyumbang kepada penyatuan identiti mereka. Mereka benar-benar merubah sumber asal ekonomi berdasarkan hasil laut kepada penanaman padi sebagai pendapatan utama. Oleh itu, mereka mencipta budaya dan kemajuan yang berkaitan dengan aspek kebendaan baharu yang tidak dilihat sebelumnya (Iziq et al, 2017, h.117). Pelaksanaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa pengantar utama dalam sistem pendidikan negara selaras dengan penyata Laporan Razak (1956) telah mempengaruhi penggunaan bahasa seharian etnik Bajau Sama di Kota Belud. Semenjak itu, bahasa Melayu telah mempengaruhi penggunaan bahasa dalam domain tidak formal seperti kekeluargaan dan kejiranan sehingga kini.

#### **1.1.4 Penggunaan Bahasa Berasaskan Domain**

Penggunaan bahasa berasaskan domain adalah perkara biasa dalam masyarakat Bajau Sama Kota Belud yang dwibahasa. Kebanyakan daripada mereka boleh bertutur bahasa ibunda dan bahasa Melayu. Kebolehan bertutur dua bahasa disesuaikan dengan domain. Dalam konteks kajian ini, penyelidik menggunakan enam domain untuk menganalisis penggunaan bahasa Bajau Sama Kota Belud. Enam domain tersebut ialah kekeluargaan, kejiranan, jual- beli, pendidikan, keagamaan dan perkhidmatan. Walaupun terdapat enam domain yang berbeza, menurut Fishman (1991), domain kekeluargaan ialah domain asas dalam mempertahankan penggunaan bahasa warisan. Ketidakupayaan sesebuah masyarakat mengekalkan rumah atau keluarga sebagai domain utama penggunaan bahasa ibunda akan membawa kepada peralihan bahasa.

Kebanyakan Bajau Sama Kota Belud menggunakan bahasa Bajau Sama dan bahasa Melayu dalam komunikasi harian. Bahasa Melayu ialah bahasa yang digunakan dalam pendidikan (sebagai medium pengajaran, bersama bahasa Inggeris bagi pendidikan yang lebih tinggi), dalam kerajaan dan dalam banyak sektor perniagaan. Bahasa Bajau Sama Kota Belud digunakan di kebanyakan kampung Bajau Sama: di beranda rumah, di padang permainan, di kedai- kedai kopi di tepi jalan, kedai-kedai kecil

dan dalam perhimpunan sosial. Akan tetapi, sebilangan ibu bapa bercakap dalam bahasa Melayu kepada anak-anak mereka dengan niat untuk menyediakan mereka bagi pendidikan formal di sekolah. Malahan, di rumah Bajau Sama di kampung Menunggu, Miller (2007, h.13) mendapati daripada 29 keluarga yang ditinjau, 16 menggunakan bahasa Melayu dengan anak-anak dan 13 masih menggunakan bahasa Bajau Sama. Dalam beberapa kes, walaupun kedua-dua ibu bapa ialah Bajau Sama dan bercakap antara satu sama lain dalam bahasa Bajau Sama, mereka bercakap dengan anak-anak dalam bahasa Melayu. Berdasarkan pemerhatian Miller (2007), kanak-kanak cenderung untuk memperoleh bahasa Bajau Sama melalui pergaulan dengan rakan-rakan dan saudara mara yang lebih tua. Sekiranya trend ibu bapa menggunakan Bahasa Melayu dengan anak-anak berterusan sukar ditentukan sama ada daya hidup bahasa Bajau Sama terus berkembang dalam suasana domestik dan di kampung. Pada masa ini, Bajau Sama Kota Belud berbangga dengan bahasa mereka. Beberapa pemimpin telah menyarankan agar bahasa Bajau Sama diperkenalkan sebagai mata pelajaran di sekolah-sekolah tempatan. Selain itu, terdapat program khusus dalam bahasa Bajau yang disiarkan melalui saluran TV109 OKEY. Ternyata bahasa 'klasik' (*Sama dau-dau* 'Sama dahulu kala') semakin digantikan dengan kata pinjaman bahasa Melayu. Sebagai contoh, perkataan *lati* ialah kata pinjaman 'letih' bahasa Melayu. Hanya orang yang lebih tua benar-benar boleh bercakap bahasa asli. Trend meminjam leksikal bahasa Melayu adalah jelas.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Bidang tujuan penyelidikan ini ialah sosiolinguistik. Penyelidikan sosiolinguistik tentang dimensi peralihan bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam konteks masyarakat penutur belum terdapat dalam kosa ilmu sosiolinguistik yang berkaitan dengan daya hidup bahasa etnik peribumi di Melayu. Belum ada hasil kajian tentang lima dimensi peralihan bahasa yang merangkumi media peralihan bahasa, ketaraan sikap, transmisi bahasa antara generasi dan faktor-faktor peralihan bahasa per se dan domain dan hubungan peranan berdasarkan teori perubahan bahasa yang diasaskan oleh Fishman (1991). Realiti peralihan penggunaan bahasa daripada bahasa ibunda kepada bahasa Melayu dalam masyarakat Bajau Sama Kota Belud adalah jelas kerana penggunaan bahasa Melayu yang lebih dominan dalam urusan seharian dalam kehidupan etnik peribumi ini. Apabila bahasa menjadi terhad hanya dalam domain tertentu, generasi muda memperoleh input linguistik untuk penggunaan bahasa sepenuhnya menjadi terhad. Oleh itu, repertoir linguistik mereka yang merangkumi semua gaya dan bentuk bahasa ibunda berkurangan disebabkan generasi yang lebih tua telah mengurangkan penggunaan bahasa mereka dalam sejumlah domain (Noor Aina et al, 2019, h.9). Faktor dislokasi demografi, sosial dan budaya adalah antara penyebab peralihan bahasa. Proses dislokasi memakan masa beberapa generasi. Komuniti etnik Bajau Sama yang dwibahasa mulai beralih ke arah bahasa Melayu yang lebih dominan dalam masyarakat luas.

Persepsi positif atau negatif mengenai sesuatu bahasa sering dikaitkan dengan nilai utilitarian dan simboliknya (Batibo, 2005, h.108). Begitu juga dalam kes bahasa Bajau Sama di daerah Kota Belud, Melayu. Secara umum, penduduk di daerah tersebut menyedari telah berlaku peralihan penggunaan daripada bahasa Bajau Sama kepada bahasa Melayu yang berperanan sebagai bahasa pengantar utama dan bahasa rasmi negara Melayu. Faktor peralihan bahasa memerlukan penyelidik terlebih dahulu mengkaji penggunaan dan pilihan penggunaan bahasa dalam kalangan populasi sasaran tetapi sukar mendapatkan sorotan literatur yang berteraskan kerangka kerja teori peralihan bahasa oleh tokoh bahasa atau sosiobudaya yang diyakini dalam penyelidikan akademik. Konteks sosiobudaya tempat bahasa X digunakan merupakan salah satu ukuran utama ciri peralihan bahasa (Fishman, 1991, h.44). Konteks sosiobudaya ditanggapi sebagai semua interaksi yang berkaitan dengan 'topik atau situasi' dalam salah satu institusi penting (domain) seperti kekeluargaan, pekerjaan atau pendidikan. Sebagai contoh, hubungan-peranan antara suami isteri, ibu bapa, datuk/nenek-cucu mahupun adik-beradik. Hoffman (2006, h.148) menegaskan bahawa penyusutan penggunaan bahasa ibunda dalam domain kekeluargaan ialah tanda peralihan bahasa.

Jenis-jenis tekanan, ekonomi, pentadbiran, politik, kebudayaan dan keagamaan yang berlainan boleh wujud di setiap domain dan membentuk kod linguistik tertentu dengan menyisihkan yang lain (Romaine, 2013, h.453). Penggunaan bahasa dominan dalam domain bahasa ibunda mengarah kepada peningkatan penutur dwibahasa dan pengurangan leksikal yang mewujudkan sikap negatif terhadap bahasa ibunda. Crystal (2003, h.83) berpendapat bahawa kehilangan secara berperingkat bahasa minoriti dalam bidang rasmi dan awam seperti institusi pendidikan beransur-ansur melenyapkan ekspresi, gaya, corak pertuturan dalam bahasa tersebut. El Kirat (2007, h.709) menunjukkan bahawa pencerobohan besar-besaran terhadap domain bahasa ibunda oleh bahasa yang lebih berprestij ialah 'bukti yang paling penting peralihan bahasa sedang berlaku.


Dalam kajian rintis, penyelidik mendapati dalam satu domain lebih daripada satu kod linguistik digunakan oleh penutur bahasa Bajau Sama Kota Belud bergantung pada identiti interlocutor, topik, dan latar. Penggunaan kod bahasa Melayu dalam kehidupan Bajau Sama Kota Belud telah meningkat malah menguasai bidang sosial, ekonomi dan politik dan diperluaskan bukan sahaja di pasar awam tetapi juga dalam domain akrab seperti rumah dan acara sosial. Penggunaan bahasa Melayu bertumpang bertindih dengan bahasa Bajau Sama dalam institusi rasmi seperti pekerjaan dan sekolah bergantung pada identiti interlocutor.

Menurut pendapat Pandharipande (2002, h.228), proses pengekalan dan peralihan bahasa dapat diramalkan melalui penerapan konsep 'beban fungsi'. Menurutny lagi, konsep 'beban fungsi' ialah penggunaan bahasa tertentu dalam satu atau lebih daripada satu domain. Bahasa mempunyai beban fungsi yang lebih tinggi jika digunakan dalam banyak domain. Secara langsung,



pengurangan beban fungsi ialah punca peralihan bahasa. Sekiranya bahasa Bajau Sama Kota Belud mempunyai beban fungsi yang lebih tinggi maka lebih banyak peluang bahasa itu dikekalkan berbanding bahasa yang lebih rendah beban fungsinya. Walau bagaimanapun, perkara penting bukan hanya beban fungsi tetapi juga 'ketelusan fungsi'. Ketelusan fungsi merujuk kepada autonomi dan kawalan yang ada pada bahasa dalam domain tertentu. Ketelusan fungsi memerihalkan cara penutur menyusun kesahihan bahasa itu sesuai dengan fungsi tertentu (Pandharipande, 2002, h.213). Oleh itu, bahasa boleh dikatakan mempunyai ketelusan fungsi jika digunakan dalam sesuatu domain secara eksklusif. Sehubungan itu, bahasa Bajau Sama Kota Belud mungkin beransur-ansur hilang ketelusan fungsinya. Sekiranya ini terjadi bahasa itu semakin kurang dalam bidang tertentu kerana pencerobohan bahasa yang lebih tinggi beban fungsinya seperti bahasa Melayu.

Rumah ialah domain terakhir untuk generasi muda menggunakan bahasa Bajau Sama Kota Belud. Penggunaan bahasa Melayu di luar domain rumah tidak dapat dielakkan kerana sifat demografi yang heterogen. Bahasa Bajau Sama Kota Belud digunakan di rumah oleh kumpulan generasi muda dengan kemahiran yang lemah dan pada tahap penguasaan yang sangat rendah, terhad kepada penggunaan beberapa ungkapan. Orang dewasa dari kumpulan usia pertengahan, ibu bapa dan datuk nenek melaporkan bahawa kecekapan kanak-kanak bercakap bahasa Bajau Sama Kota Belud sangat terhad dalam beberapa domain. Berdasarkan kajian rintis, Rajah 1.3 berikut menunjukkan min penggunaan bahasa Bajau Sama dalam enam domain.



Rajah 1.3: Min Penggunaan Bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam Enam Domain

Antara tiga generasi penutur bahasa Bajau Sama Kota Belud yang dikaji, generasi lanjut usia (G1) paling banyak menggunakan bahasa ibunda dalam domain kekeluargaan, kejiwaan, pendidikan, keagamaan, perkhidmatan dan jual-beli. Generasi dewasa (G2) menggunakan bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam kesemua domain tetapi min penggunaan lebih rendah berbanding G1. Generasi muda (G3) hanya menggunakan bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam domain kekeluargaan dan perkhidmatan tetapi min penggunaan bahasa itu sangat rendah. G3 menggunakan bahasa Melayu dalam domain kejiwaan, pendidikan dan jual beli menggantikan bahasa Bajau Sama Kota Belud. Oleh sebab itu, graf G3 tidak menunjukkan min bagi tiga domain. Rajah 1.3 jelas menunjukkan penyusutan penggunaan bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam domain kekeluargaan. Persoalan penting bukan sahaja mengenai beban fungsi penggunaan bahasa ibunda itu dalam enam domain bahkan sama ada bahasa itu mempunyai ketelusan fungsi.

Identiti interlocutor dan hubungan-peranan turut mempengaruhi pilihan penggunaan bahasa dalam sesuatu domain. Bahasa Melayu bukan satu-satunya pilihan bahasa dalam domain perkhidmatan. Identiti etnik antara faktor yang berpengaruh dalam membentuk dan mengarahkan penutur menggunakan kod linguistik tertentu mengikut norma kumpulan (Fishman, 1965, h.68). Dua kumpulan etnik yang berbeza kerap menggunakan kod linguistik dua bahasa secara langsung atau tidak langsung ketika menyuarakan pendapat masing-masing (Richie dan Bhatia, 2013, h.378). Bahasa Bajau Sama Kota Belud mungkin digunakan dalam kalangan rakan sekerja yang sama etnik. Tampak penutur beralih menggunakan bahasa Melayu di tempat kerja kerana ikatan hubungan kumpulan, bukannya domain. Hubungan ini dijelaskan oleh Fishman (1991, h.45) sebagai hubungan-peranan (*role-relations*) yang mempengaruhi pilihan kod bahasa. Sebagai contoh, bahasa yang digunakan antara guru dan pelajar ialah bahasa Melayu sedangkan bahasa Bajau Sama Kota Belud atau bahasa campuran (Melayu dan Bajau Sama Kota Belud) mungkin lebih sesuai antara guru dengan guru). Peranan- hubungan sedemikian mencerminkan status sosial, hak, dan kewajiban antara interlocutor dan jarak sosial (Ritchie dan Bhatia, 2013, h.78). Peranan-hubungan dalam interaksi guru dan guru menjurus kepada apa yang disebut oleh fishman (1991) sebagai ciri peralihan bahasa.


Bahasa Bajau Sama Kota Belud bukan sahaja dikecualikan dalam kurikulum sekolah malahan tidak digalakkan sebagai medium komunikasi dalam domain sekolah. Kurikulum sekolah dirancang mengikut dasar kerajaan yang menaikkan status bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama dalam domain sekolah. Dengan yang demikian ibu bapa mendorong anak-anak mereka mempelajari bahasa Melayu sejak zaman kanak-kanak bagi persediaan ke alam persekolahan juga prestasi akademik. Peranan sekolah sebagai domain khusus bahasa Melayu sangat berpengaruh. Hal ini menyamai hasil kajian yang dijalankan Dillah et al (2020, h.13) terhadap pilihan bahasa dalam domain pendidikan oleh generasi muda Kedayan. Dalam domain pendidikan, bahasa Bajau Sama Kota Belud lebih stigma jika dinilai menentang bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Melayu di sekolah-sekolah mencerminkan konteks institusi dan ideologi dasar kerajaan memanjatkan kepatuhan kepada ibu bapa di rumah dan guru di sekolah. Implikasinya, guru tidak menggalakkan pelajar



mereka bercakap bahasa Bajau Sama Kota Belud di sekolah dan menjadi paradoks jika ibu bapa tidak meneruskan strategi linguistik yang sama demi prestasi akademik anak-anak mereka.

Penyelidik telah mengamati keterikatan etnik Bajau Sama Kota Belud pada dialek Melayu Melayu semasa menghadiri khutbah-khutbah agama pada bulan Ramadhan dan ketika bersama kawan-kawan di masjid selepas solat Jumaat. Dalam domain keagamaan, apabila Bajau Sama Kota Belud berada di dalam atau di kawasan masjid, bahasa Melayu lebih banyak menguasai perbincangan keagamaan. Pada suatu ketika Imam menggunakan ungkapan Bajau Sama Kota Belud bagi memperjelas perkataan-perkataan bahasa Melayu yang sukar difahami para hadirin. Khutbah hari Jumaat yang secara langsung mendahului solat disampaikan dalam bahasa Melayu standard. Perbualan keagamaan yang lain menggunakan bahasa Melayu atau Bajau Sama Kota Belud. Menurut Spolsky (2004, h.49), khutbah-khutbah solat Jumaat lazimnya disampaikan dalam bahasa lain selain bahasa Arab dalam komuniti yang bukan bangsa Arab. Dari pengalaman penyelidik sebagai ahli komuniti Bajau Sama kota Belud, khutbah utama yang mendahului solat tidak pernah disampaikan dalam bahasa Bajau Sama Kota Belud.

Penggunaan bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam urusan jual-beli semakin merosot. Bahasa Melayu lebih dominan dalam urusan jual-beli. Rajah 1.4 memperlihatkan dapatan kajian rintis penyelidik dalam urusan jual-beli di pasar besar Kota Belud.



Rajah 1.4: Min Bahasa Bajau Sama Kota Belud dan Bahasa Melayu dalam Domain Jual-Beli

Min penggunaan bahasa Bajau Sama Kota Belud GI (generasi lanjut usia) lebih rendah daripada min penggunaan bahasa Melayu. Trend kemerosotan penggunaan bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam urusan jual-beli lebih rendah bagi GII (generasi dewasa), apatah lagi GIII (generasi muda). Min penggunaan bahasa Melayu dalam domain urusan jual-beli adalah sama bagi GI dan GII, iaitu 10.25 manakala min paling tinggi (16.5) ditunjukkan dalam data GIII.

Transmisi bahasa Bajau Sama Kota Belud antara generasi cenderung beralih kepada bahasa Melayu. Dalam hal ini, peralihan bahasa bermula apabila masyarakat berhenti menurunkan bahasa ibunda mereka kepada generasi baharu. Peralihan bahasa mempengaruhi strategi mengekalkan daya hidup bahasa ibunda (Sasse, 1992, h.13). Kanak-kanak menerima akses terhadap kepada bahasa Melayubunda melalui pendedahan sekali skala dalam lingkungan persekitaran mereka. Dengan itu, bahasa ibunda menjadi nombor dua sebaliknya bahasa yang dominan menjadi bahasa utama (David, 2017, h.5). Dalam kes bahasa Bajau Sama Kota Belud, proses transmisi antara generasi tidak memberangsangkan disebabkan persepsi terhadap bahasa itu yang kurang mempunyai nilai ekonomi jika dibandingkan dengan bahasa Melayu. Meskipun begitu, data kajian rintis penyelidik mendapati majoriti peserta kajian tidak memihak kepada peralihan bahasa sedangkan realitinya mereka cenderung kepada bahasa Melayu yang menyebabkan isu peralihan bahasa. Seperti yang ditegaskan oleh Dixon (1991, h.230), sesetengah masyarakat tidak menyedari bahawa bahasa ibunda mereka terancam sehinggalah sudah terlambat untuk membalikkan proses peralihan bahasa yang terjadi.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan jawapan bagi semua pemboleh ubah fenomena peralihan bahasa berdasarkan teori Fishman (1991). Sehubungan itu, penyelidik mengemukakan empat objektif yang berikut:

1. Mengenal pasti media peralihan bahasa sebagai skala implikasi bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam kalangan peserta kajian.
2. Membandingkan ketaraan sikap terhadap bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam kalangan peserta kajian mengikut kumpulan usia.
3. Menganalisis pilihan penggunaan bahasa peserta kajian dalam domain khusus.
4. Merumuskan faktor-faktor peralihan bahasa per se bahasa Bajau Sama Kota Belud.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Empat objektif kajian yang telah dikemukakan terdahulu mempunyai perkaitan dengan subtajuk-subtajuk masing-masing yang dikemukakan sebagai persoalan kajian berikut:

1. Apakah media peralihan bahasa dalam kalangan peserta kajian

- menunjukkan skala implikasi bahasa Bajau Sama Kota Belud yang berbeza?
2. Bagaimanakah sikap peserta kajian terhadap bahasa Bajau Sama Kota Belud berbeza mengikut kumpulan usia?
  3. Apakah penggunaan bahasa pilihan peserta kajian dalam domain tidak formal?
  4. Apakah faktor-faktor peralihan bahasa per se dalam kes bahasa Bajau Sama Kota Belud?

### 1.5 Kepentingan Kajian

Penyelidikan dalam bidang sosiolinguistik ini adalah penting untuk memperoleh maklumat tentang dimensi peralihan bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam konteks masyarakat penutur. Kajian sosiolinguistik ini meneliti cara bahasa I yang lebih dominan dalam masyarakat di I mempengaruhi sifat sosial etnik Bajau Sama Kota Belud dan bagaimana interaksi sosial menyebabkan peralihan bahasa daripada bahasa Bajau Sama kepada bahasa I. Pemboleh ubah dimensi peralihan bahasa yang melibatkan media peralihan bahasa, ketaraan sikap, domain dan faktor-faktor peralihan bahasa per se dalam metodologi penyelidikan ini adalah berdasarkan teori Fishman dalam bukunya bertajuk "Reversing Language Shift" (Fishman, 1991, h.40-80). Penyelidik menerapkan orientasi populasi dan pensampelan serta reka bentuk tinjauan saranan Fishman (1991, h.40-43). Ada keperluan untuk menyelidik batasan penggunaan bahasa Bajau Sama Kota Belud sama ada bahasa I telah memasuki domain yang secara tradisional pada suatu ketika dahulu menggunakan bahasa ibunda etnik tersebut. Antara jangkaan penemuan utama dalam penyelidikan ini ialah penurunan fungsi penggunaan bahasa Bajau Sama Kota Belud dan pilihan bahasa berdasarkan pengetahuan bahasa dalam kalangan para peserta yang berbeza usia. Maklumat baharu dalam kajian ini dapat menambah kosa ilmu sosiolinguistik etnik Bajau Sama di daerah Kota Belud, I. Pada masa penyelidikan ini diusahakan, penyelidikan tentang bahasa Bajau Sama Kota Belud masih kurang jika dibandingkan dengan penyelidikan etnik Kadazan Dusun di I (Alexander et al, 2019; Noor Aina et al, 2019; dan Daisy, 2020). Penyelidik berharap penemuan peralihan bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam domain khusus memberi maklumat baharu kepada penyelidik tempatan yang berminat terhadap bahasa dan sosiolinguistik bahasa sukuan di Sabah.

Faktor kemerosotan penggunaan bahasa Bajau Sama Kota Belud penting diteliti kerana penyelidik dapat membandingkan penguasaan bahasa ibunda dari generasi K50an ke K40an, menurun dalam generasi K30an, seterusnya K20an. Sebagaimana hasil kajian Hotma (2017, h.142), penyelidik menjangkakan latar belakang setiap generasi mempengaruhi penguasaan bahasa ibunda mereka. Berdasarkan hasil kajian rintis, penyelidik mendapati peratus penggunaan bahasa Bajau Sama Kota Belud sebagai bahasa ibunda semakin merosot dari satu generasi ke satu generasi. Transmisi bahasa sangat penting dalam meneruskan daya hidup bahasa Bajau Sama Kota Belud. Pilihan penggunaan bahasa adalah keputusan keluarga, diwakili oleh peranan penting ibu bapa untuk meneruskan atau tidak meneruskan bahasa ibunda ke generasi

baharu. Melalui penyelidikan ini nanti terdapat maklumat tentang bahasa yang diteruskan kepada anak-anak dalam keluarga dan sebab-musabab masyarakat Bajau Sama Kota Belud cenderung menggunakan bahasa I selain status prestijnya. Sorotan data beberapa kajian terdahulu mengesahkan beberapa etnik di I mengalami proses peralihan daripada bahasa ibunda kepada bahasa Melayu (Noraisikin et al, 2019, h.63; dan Md. Roslan, 2020, h.96).


Pemahaman kosa kata merupakan skala implikasi peralihan bahasa. Mereka yang memahami bahasa Bajau Sama Kota Belud dengan baik juga dikatakan mahir bertutur dalam bahasa itu. Pemahaman kosa kata bahasa Bajau Sama Kota Belud sebagai implikasi peralihan bahasa ditentukan dengan menggunakan data daripada 10 kata nama, 10 kata kerja dan 10 kata adjektif. Pemahaman kata bahasa Bajau Sama bagi setiap kumpulan usia dikira dalam kekerapan dan peratus jawapan yang betul. Hal ini penting kerana jumlah pemahaman bahasa Bajau Sama Kota Belud membentuk satu skala implikasi secara positif atau negatif.

Trend perubahan sikap terhadap bahasa Bajau Sama Kota Belud penting dikaji kerana dapat meramalkan tingkah laku linguistik yang berbeza seperti pilihan bahasa tertentu dalam masyarakat dwibahasa dan jenis alih kod. Terjemahan sikap terhadap bahasa ibunda dalam domain subjektif diukur secara objektif melibatkan kategori umur. Selain itu, sikap penutur terhadap bahasa I dan budaya penutur bahasa Melayu akan diperoleh berdasarkan jawapan mereka. Lebih positif sikap mereka terhadap bahasa I semakin tinggi penghargaan diberikan kepada bahasa itu. Menurut Adam (2017, h.318), salah satu kesan peralihan bahasa ialah sikap yang lebih positif terhadap bahasa yang berprestij dalam masyarakat. Dengan itu, penyelidik memperoleh beberapa penjelasan mengenai sikap itu, misalnya keterbukaan terhadap budaya lain. Bagi sikap yang lebih negatif mungkin mereka melihat bahasa I tidak istimewa dan ini menjadi alasan mengapa mereka tidak menilai bahasa I lebih tinggi daripada bahasa Bajau Sama Kota Belud. Mereka yang tidak mempunyai banyak pengalaman atau terdedah kepada bahasa dan budaya I mungkin mendapati bahasa I eksotik, oleh itu menilai bahasa I lebih tinggi. Jawapan peserta kajian yang berbeza usia dapat menjelaskan ketaraan sikap mereka masing-masing terhadap bahasa Bajau Sama Kota Belud dan bahasa I.

Analisis domain membolehkan penyelidik menentukan apakah ada peralihan bahasa yang sedang berlaku dan jika ada, dalam apa jenis interaksi sosial. Secara empiris, pilihan penggunaan bahasa dalam domain khusus ialah manifestasi pembentukan pertuturan seharian ahli-ahli komuniti Bajau Sama Kota Belud dengan orang-orang yang berinteraksi dengan mereka. Domain pendidikan adalah penting kerana semakin tinggi tahap pendidikan, semakin tinggi keamatan penggunaan bahasa yang berprestij dalam kehidupan harian (Wirayudha, 2020, h.35). Domain pendidikan sangat berpengaruh dalam komuniti Bajau Sama Kota Belud. Melalui domain ini bahasa I diperkenalkan pada peringkat awal kanak-kanak meskipun di kawasan pedalaman. Bahasa I yang diajar di sekolah diterapkan dengan nilai-nilai murni yang mendorong pembinaan identiti nasional.

Keluargaan ialah domain penting untuk mengenal pasti bahasa yang digunakan semasa bersosialisasi dengan anak-anak, saudara kandung dan generasi lain dalam lingkungan keluarga. Rumah ialah domain terakhir yang dapat mengekalkan penggunaan bahasa ibunda. Meskipun begitu, ahli-ahli keluarga yang berpendidikan berpotensi untuk mewujudkan situasi dwibahasa yang bermula dari rumah. Sesetengah pengkaji mengklasifikasikan domain keluarga berdasarkan bahasa yang digunakan dalam kalangan ibu bapa, anak-anak, saudara kandung dan datuk nenek. Dalam hal ini, Fishman (1991, h.43-44) menekankan kepentingan keutamaan bahasa dari segi peranan-hubungan dalam domain keluarga kerana tingkah laku bahasa berbeza antara satu generasi dengan generasi yang lain. Generasi lanjut usia cenderung menggunakan bahasa Bajau Sama Kota Belud di rumah berbanding dengan generasi muda. Dalam kebanyakan kes, orang muda kurang menggunakan bahasa ibunda dan lebih banyak bahasa Melayu (Coluzzi et al, 2017, h.145).

Faktor-faktor peralihan bahasa per se melibatkan dislokasi fizikal dan demografi, dislokasi sosial, dan dislokasi budaya masyarakat Bajau Sama Kota Belud. Dalam hal ini, faktor dislokasi fizikal dan demografi hasil kajian Eberhard et al (2019) adalah sangat penting. Menurut hasil kajian Eberhard et al (2019), status Bajau Pantai Barat (Bajau Sama) dari segi saiz bahasa dan daya hidup bahasa adalah berdasarkan anggaran bilangan semua pengguna termasuk penutur bahasa pertama dan kedua. Dari segi anggaran, bilangan semua penggunaan bahasa tersebut adalah kecil, iaitu bahasa yang mempunyai kurang daripada 10,000 pengguna seperti yang dipaparkan pada Rajah 1.5 yang berikut.



**Rajah 1.5: Daya Hidup Bahasa Bajau Pantai Barat**  
(Sumber: Eberhard et al, 2019)

Paksi mendatar ialah daya hidup bahasa. Daya hidup dan warna pengekodan sepadan dengan skema yang digunakan sebagai panduan sejauh mana tahap bahasa itu terancam. Dalam skema Eberhard et al (2019), warna merah ditafsirkan sebagai bahasa 'Terancam' (*Endangered*). Sudah tidak menjadi kebiasaan kanak-kanak belajar dan menggunakan bahasa ini. Sehubungan itu, penyelidikan ini menyumbang akan pemahaman tentang peralihan bahasa yang merupakan peringkat akhir sebelum sesuatu bahasa itu 'Pupus' (*Extinct*). Ini termasuk mengenal pasti faktor yang menyebabkan peralihan bahasa dalam masyarakat Bajau Sama Kota Belud yang sebahagian daripadanya adalah sama



dengan komuniti Bajau Sama di daerah lain, seterusnya mengemukakan cadangan revitalisasi daya hidup bahasa tersebut. Menurut Dilah et al (2020, h.14), sesetengah masyarakat dapat mempertahankan bahasa mereka dengan adanya dorongan tertentu.

## **1.6 Batasan Kajian**

Ruang lingkup kajian ini adalah berkaitan dengan peralihan bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam domain khusus di Kampung Taun Gusi 1 dalam daerah Kota Belud, Sabah. Penyelidik mengemukakan empat objektif kajian, iaitu mengenal pasti kemerosotan penggunaan kosa kata bahasa Bajau Sama Kota Belud sebagai implikasi peralihan bahasa; membandingkan ketaraan sikap terhadap bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam kalangan peserta kajian mengikut kumpulan usia; menganalisis pilihan penggunaan bahasa dalam domain khusus; dan merumuskan faktor-faktor peralihan bahasa per se bahasa Bajau Sama Kota Belud. Keempat-empat objektif ini digarap daripada prinsip Teori Peralihan Bahasa (Fishman, 1991). Penyelidik memilih peserta kajian mengikut kerangka populasi dan pensampelan berstrata mengikut kumpulan usia dalam Teori Peralihan Bahasa (Fishman, 1991). Sehubungan itu, jumlah peserta kajian yang berusia 20-29 tahun kategori generasi muda adalah sebanyak 103, usia 30-39 tahun kategori generasi dewasa (76 orang), usia 40-49 tahun kategori generasi pertengahan usia (64 orang) dan 50-59 tahun kategori generasi tua (57 orang) dari Kampung Taun Gusi 1 dalam daerah Kota Belud, Sabah. Majoriti penduduk asal di kampung ini ialah etnik Bajau Sama sebanyak 68% sementara lain-lain etnik 32%. Kajian rintis dijalankan pada Julai 2017 manakala kajian sebenar pada Januari 2018 hingga Mei 2018. Jangka masa kajian adalah selama 10 bulan. Kaedah kajian yang penyelidik gunakan terdiri daripada kaedah rentas usia, kaedah tinjauan dan kaedah temu bual.

## **1.7 Definisi Operasional**

Terdapat tiga definisi operasional dalam kajian ini, iaitu peralihan bahasa, bahasa Bajau Sama Kota Belud dan domain khusus.

### **1.7.1 Peralihan Bahasa**

Secara umum, peralihan bahasa ialah satu situasi dalam komuniti penutur dwibahasa yang beransur-ansur berhenti menggunakan salah satu daripada dua bahasanya untuk yang lain (Ravindranath, 2009, h.2). Seterusnya, Nawaz et al (2012, h.1) mengatakan bahawa peralihan bahasa ialah fenomena yang dirangsang oleh faktor sejarah, budaya, ekonomi, sosial dan psikologi. Semua faktor ini saling berkaitan dan tidak boleh dianalisis secara berasingan. Secara khusus, Fishman (1991, h.6) menerangkan bahawa peralihan bahasa ialah hasil sampingan dari kadar perubahan sosial yang tidak sekata dan pertumbuhan kuasa ekonomi dan teknikal. Peralihan bahasa merupakan proses yang

perlahan dan kumulatif. Dalam kajian ini, pemboleh ubah dimensi peralihan bahasa ialah kemerosotan penggunaan kosa kata bahasa Bajau Sama Kota Belud, ketaraan sikap bahasa, domain penggunaan bahasa dan faktor-faktor peralihan bahasa per se.

### **1.7.2 Bahasa Bajau Sama Kota Belud**

Bahasa Bajau Sama Kota Belud dalam kajian ini dituturkan oleh masyarakat Bajau Sama di Kampung Taun Gusi 1 dalam daerah Kota Belud, Sabah. Majoriti penduduk di daerah Kota Belud terdiri daripada etnik Bajau Sama. Mereka terkenal dengan budaya kuda tradisional. Mereka dirujuk sebagai Bajau Pantai Barat di Sabah bagi membezakannya daripada Sama Dilaut di timur Sabah dan Kepulauan Sulu (Wikipedia, 2017). Etnik Bajau Sama Kota Belud mengaku tidak ada ikatan hubungan dengan Sama Dilaut. Masyarakat Bajau Sama Kota Belud kini ialah penutur dwibahasa yang menggunakan bahasa ibunda dan bahasa Melayu dalam komunikasi harian. Etnik Bajau Sama Kota Belud yang menjadi populasi penyelidikan ini ialah penduduk di Kampung Taun Gusi 1. Dalam kajian sebenar, peserta kajian digolongkan kepada empat kumpulan usia mengikut kaedah pensampelan strata (Fishman, 1991, h.42), iaitu 103 orang generasi muda 20-29 tahun (K20an); 76 orang generasi dewasa 30-39 tahun (K30an); 64 orang generasi pertengahan umur 40-49 tahun (K40an) dan 57 orang generasi tua 50-59 tahun (K50an). Pengambilan 35% sampel daripada populasi sasaran adalah sama dalam semua kumpulan.

### **1.7.3 Domain Khusus**

Menurut Fishman (1972, h.442), domain ialah satu konstruk sosiobudaya yang diringkaskan daripada topik-topik komunikasi, hubungan antara para komunikator dan tempat peristiwa komunikasi bersesuaian dengan institusi masyarakat. Pada tahun 1991, Fishman menghubungkan definisi domain dengan dimensi peralihan bahasa berdasarkan institusi utama dalam masyarakat: kekeluargaan, bidang pekerjaan, pendidikan, keagamaan, hiburan dan media massa, parti politik dan pemerintah. Semua ini dirujuk sebagai 'domain' (Fishman, 1991, h.44). Domain khusus dalam kajian ini terdiri daripada domain tidak formal dan domain formal. Domain tidak formal ialah kekeluargaan, kejiranan dan urusan jual-beli. Ragam bahasa yang digunakan ialah bahasa rendah, iaitu bahasa yang belum mengalami proses penstandardan dan hanya digunakan dalam komunikasi sosial dalam masyarakat. Domain formal ialah pendidikan, keagamaan, dan perkhidmatan. Ragam bahasa yang digunakan ialah bahasa tinggi, iaitu bahasa yang digunakan mematuhi peraturan pembentukan kata dan ayat yang standard. Jika bahasa Bajau Sama Kota Belud tidak digunakan dalam domain khusus, kecenderungan peralihan bahasa adalah besar. Klasifikasi sedemikian memudahkan penyelidik mengkaji peralihan bahasa dalam komuniti Bajau Sama Kota Belud berdasarkan penggunaan bahasa dalam domain tidak formal dan domain formal setiap kumpulan usia.

## RUJUKAN

- Abbasa, F., Jalilb, M. K., Zakic, H. N., and Irfand, F. (2020). Implicit measure of language attitude: Study of Punjabi native speakers by using matched guise technique. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 13(1): 194-206.
- Abd. Hadi Kudin dan Karim Harun. (2017). "Diglosia" dan "loyalti" bahasa dalam kalangan masyarakat Orang Asli Semai. *Jurnal Linguistik*, 21(2): 48-59.
- Abdul Rahmad. (2018). Persepsi masyarakat terhadap perubahan budaya di Tana Toraja (studi kasus upacara Rambu Tuka'). *Jurnal Environmental Science*, 1(1): 21-26.
- Adams, M. M. (2013). Topic continuity in informal conversations. *Multilingua*, 32(3): 321-342.
- Adam, S. (2017). A Sociolinguistic Investigation of Language Shift among Libyan Tuareg: The case of Ghat and Barkat. PhD Thesis, University of Essex.
- Akhmad Humaidi dan Kamal Hasuna. (2019). Upaya pemertahanan bahasa Bajau dalam masyarakat multibahasa di Kabupaten Kotabaru Provinsi Kalimantan Selatan. *Stilistika: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 4(1): 99-109.
- Alexander Japeni Sator, Hazlina Abdul Halim and Jürgen Martin Burkhardt (2019). A study on the frequency of Dusun language use among secondary school students. *Jurnal Linguistik*, 23(1): 32-40.
- Ashley, C. (2020). Understanding Stratified Samples and How to Make Them. Retrieved 17.5.2020 from <https://www.thoughtco.com/stratified-sampling-3026731>
- Banker, J.E. (1984). The West Coast Bajau Language, in J.K King and S.A J.W King (eds), *Language of Sabah: A survey report*, 101-112, Canberra: Pacific Linguistics.
- Bartlett, J. E., Kotrlik, J. W., & Higgins, C. C. (2001). Organizational Research: Determining Appropriate Sample Size in Survey Research. *Information Technology, Learning and Performance Journal*, 19(1): 43-50.
- Batibo, He. M. (2005). Language Decline and Death in Africa: Causes, Consequences and Challenges. Clevedon: Multilingual Matters.
- Berry, J. W. (2010). *Mobility and acculturation of global mobility. The Psychology of Global Mobility*. New York: Springer.
- Bochner, S. (2006). Sojourners. In Sam, D. L., and Berry, W. I. (Eds.), *Cambridge Handbook of Acculturation Psychology* (pp. 181-197). Cambridge: Cambridge University Press.



- Brenzinger, M., Dwyer, M.A., de Graaf, T., Grinevald, C., Krauss, M., and Miyaoka, O. (2003). *Language Vitality and Endangerment*. Paris: UNESCO Ad Hoc Expert Group on Endangered Languages.
- Blommaert, J., Collins, J., and Slembrouck, S. (2005). Polycentricity and interactional regimes in global neighborhoods. *Ethnography*, 6(2): 205-35.
- Boxer, D. (2002). *Applying Sociolinguistics: Domains and face-to-face Interaction*. Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- Chong Shin dan Mohd Syukri Yeoh Abdullah (2016). *Agama Sebagai Penentu Pemilihan Bahasa Ibunda Dan Identiti Penan Muslim Di Sarawak (Malaysia Timur)*. Prosiding Kongres International Masyarakat Linguistik Indonesia (KIMLI), 24-27 Ogos, Denpasar.
- Chong Shin, Hendrikus Mangku, dan James T. Collins. (2018). Pemilihan bahasa komuniti Penan Muslim di Sarawak. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(4): 61-80.
- Chong Shin, Gedat Remmy, dan Mohammed Azlan Mis. (2019). Bahasa Remun di Negeri Sarawak: Kajian perbandingan dengan bahasa Iban. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 19(4): 203-218.
- Clyne, M. (2003). *Dynamics of Language Contact*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Coluzzi, P., Riget, N. P., and Xiaomei. W. (2017). Language vitality among the Orang Asli of Malaysia: The case of the Mah Meri on Telo' Gunjeng (Carey Island, Selangor). *International Journal of the Sociology of Language*, 244: 137-161.
- Creswell, J. W., and Clark, V. L. P. (2018). Third Edition. *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. USA: Sage Publications.
- Crystal, D. (2003). *Language Death* (2nd ed.). Cambridge: Cambridge University Press.
- Daisy Paul. (2020). *Kewujudan Bahasa Antara dalam kalangan Pelajar Suku Dusun Tindal*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- David, M. K. (2017). Reasons for language shift in Peninsular Malaysia. *Journal of Modern Languages*, 15(1): 1-11.
- De Klerk, V. (2001) The cross-marriage language dilemma: His language or hers? *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 4(3): 197-216. doi: 10.1080/13670050108667728

- Dilah Tuah, Remmy Gedat, Muhammad Jazlan Ahmad Khiri, dan Chong Shin. (2020). Pengekalan dan peralihan bahasa dalam kalangan generasi muda etnik Kedayan di Bekenu Sarawak. *International Social Science and Humanities Journal*, 3(4): 1-16.
- Dixon, R. M., Dixon, R. M., and Robert, M. W. D. (1991). *The Rise and Fall of Languages*. Cambridge University Press.
- Dörnyei, Zoltán. (2007). *Research Methods in Applied Linguistics Quantitative, Qualitative, and Mixed Methodologies*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Drummond, R. (2010). *Sociolinguistic Variation in a Second Language: The Influence of Local Accent on the Pronunciation of Non-native English Speakers Living in Manchester*. PhD Thesis, University of Manchester.
- Dunbar, R.I.M. and Marriott, A. Human Conversation Behavior. *Human Nature*, 8(3): 231-246.
- Eberhard, D. M., Simons, G. F., and Fennig, C. D. (Eds.). (2019). *Ethnologue: Languages of the World* (22nd ed.). Dallas, Texas: SIL International. Online version: <http://www.ethnologue.com>.
- El Kirat El Allame, Y. (2007). Language shift: Amazigh. In K. Versteegh, M. Eid, A. Elgibali, M. Woidich, and A. Zaborski, (Eds.), *Encyclopedia of Arabic language and linguistics* (Vol. 2, pp. 707–716). Leiden, the Netherlands: Brill.
- Easwaramoorthy, M., and Zarinpoush, F. (2006). Interviewing for research. *Imagine Canada*, 6: 6-7.
- Fasold, R. (1984). Diglossia. *The Sociolinguistics of Society*. Oxford: Blackwell.
- Fishman, J. A. (1965). Who speaks what language to whom and when? *La linguistique*, 1(2): 67-88.
- Fishman, J. A. (1966). *Language Loyalty in the United States*. The Hague: Mouton.
- Fishman, J. A. (1972). The Relationship between micro-and macro-sociolinguistics in the study of who speaks what language to whom and when. In Pride, J. B., and Holmes, J. (Eds.), *Sociolinguistics*. Harmondsworth: Penguin Books Ltd: 15-32.
- Fishman, J. A. (1991). *Reversing Language Shift: Theoretical and Empirical Foundations of Assistance to Threatened Languages*. Clevedon, United Kingdom: Multilingual Matters Ltd.

- Fishman, J. A. (2013). Language Maintenance, Language Shift, and Reversing Language Shift. In Tej K. Bhatia & William C. Ritchie (Eds.), *The Handbook of Bilingualism and Multilingualism* (pp. 466–494). Oxford: Wiley-Blackwell.
- Hammer, K. A. (2017). *Life in a New Language: An Acculturation Perspective on Language Shift in Bilinguals*. PhD Thesis, University of London.
- Hamzeh Mohammad Al-Zghoul and Abdel-Rahman Abu-Melhim. (2012). The impact of addressee on the form of language used by the speaker. *International Forum of Teaching and Studies*, 8(1): 64-80.
- Herman. (2019). *Alih Kode Bahasa dalam Interaksi Jual Beli di Pasar Inpres Manonda Kota Palu*. Program Studi Pendidikan Bahasa Indonesia, Universitas Tadulako.
- Hoffman, K. E. (2006). Berber language ideologies, maintenance, and contraction: Gendered variation in the indigenous margins of Morocco. *Language and Communication*, 26: 144–167.
- Holmes, J. (1992). *An Introduction to Sociolinguistics*. London: Longman. Hotma Simanjuntak. (2017). *Pengekalan dan Peralihan Bahasa dalam kalangan Orang Batak Toba di Pontianak, Indonesia*. Tesis PhD, Universiti Malaya.
- Hun, P. G., Liu, O. P., dan Chuang, L. H. (2019). Kelantan Peranakan Chinese language and marker of group identity. *Gema Online® Journal of Language Studies*, 19(2): 33-51.
- Hymes, D. H. (1972b). On Communicative Competence. In J.B. Pride and J. Holmes, (Eds.). *Sociolinguistics: Selected Readings* (pp. 269-293). Harmondsworth: Penguin Books.
- Inayatushshalihah. (2018). Bahasa Buru di pesisir utara Pulau Buru: Sebuah tinjauan awal terhadap daya hidupnya. *Deskripsi Bahasa*, 1(2): 153-161
- Iziq Eaffi Ismail, Abdullah Sani Hj Ahmad, and Ismail Ibrahim. (2017). Influences of regional Sama-Bajau coastal dwellings: Social perspectives through identity molding. *International Journal of Culture and History*, 1(2): 115-121
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2010*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2015). *Buku Tahunan Perangkaan Sabah 2014*. Kota Kinabalu, Sabah: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jelita Purnamasari. (2020). Preferensi penggunaan bahasa Biak dan bahasa Indonesia oleh mahasiswa asli Biak di IISIP YAPIS Biak (analisis peralihan bahasa Biak ke bahasa Indonesia). *Gema Kampus*, 15(2): 8-19.

- Kandelaki, E. (2017). *Language Behaviour and the Contributing Factors towards It among the Georgian Ethnic Minorities in Luton*. PhD Thesis, University of Bedfordshire.
- Kennetz, K., and Carroll, K. S. (2018). Language threat in the United Arab Emirates? Unpacking domains of language use. *International Journal of the Sociology of Language*, 254: 165–184.
- Khatib, M., and Rezaei, S. (2013). A model and questionnaire of language identity in Iran: A structural equation modeling approach. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 34(7): 690–708.
- King, K. A., Fogle, L., and Logan-Terry, A. (2008). Family language policy. *Language and Linguistics Compass*, 2(5): 907-922.
- Liao, C. I. (2020). Family language policy in a Hakka community in Sabah, Malaysia. *Journal of Modern Languages*, 30: 129-148.
- Lourdes, B. E. (2008). *Language Variation and Identity in Sunderland*. PhD Thesis, The University of Sheffield.
- Made Suparta dan I Nyoman Kardana. (2017). Pemakaian bahasa oleh masyarakat Bugis di Desa Senganan, Tabanan, Bali. *Kulturistik Jurnal Bahasa & Budaya*, 1(1): 21-31.
- McCombes, S. (2021). How to create a research design. Retrieved from <https://www.scribbr.com/research-process/research-design/>
- Md. Roslan Suhailin. (2020). *Daya Hidup Bahasa Bisaya sebagai Bahasa Etnik Minoriti di Sabah*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Md. Roslan Suhailin dan Arba'ie Sujud. (2020). Gender dan transmisi bahasa antara generasi dalam kalangan pelajar etnik Bisaya di Beaufort, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling(IJEPC)*, 5(35): 107-124.
- Miller, T. M. (2007). *A Grammar of West Coast Bajau*. PhD Thesis, The University Of Texas At Arlington.
- Mohd. Arifin Mohd. Arif. (2020). *Mekanisme Bahasa Pelajar Melayu Brunei di Sabah dan Hubungannya dengan Identiti Bahasa*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.
- Mohammad Fadzeli Jaafar, Norsimah Mat Awal, Mohammed Azlan Mis dan Hayati Lateh. (2015). Bahasa sempadan Malaysia-Thailand: Pengekalan Vs peralihan bahasa. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (1): 1-9.
- Mohsen, T., and Reg, D. (2011). Making sense of Cronbach's Alpha. *International Journal of Medical Education*, 2: 53-55.

- Nakamura, I. (2008). Understanding how teacher and student talk with each other: An exploration of how 'repair' displays co-management of talk-in-interaction. *Language Teaching Research*, 12: 265-283.
- Nambiar, M. *Language Shift among the Malbari Community in Malaysia*. Paper presented at the MICOLLAC 2001 Conference on Languages, Literature and Cultures. Universiti Putra Malaysia. April 2001.
- Nawaz, S., Umer, A., Anjum, F., and Ramzan, M. (2012). Language shift an analysis of factors involved in language shift. *Global Journal of Human Social Science, Linguistics & Education*, 12(10): 1-10.
- Noble H., and Heale, R. (2019). Triangulation in research, with examples. *Evidence-Based Nursing*, 22(3): 67-68.
- Noraisikin Ghazali, Mohammad Fadzeli Jaafar dan Harishon Radzi. (2019). Peralihan bahasa Cham dalam masyarakat Cham di Malaysia: Analisis sosiolinguistik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 19(2): 52-69.
- Noor Aina Dani dan Mhd Amin Arshad.(2004). Teori dan realiti perubahan bahasa: Daripada bahasa ibunda kepada bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*, 4(3): 409-451.
- Noor Aina Dani, Norazlina Mohd. Kiram, Mohd. Ariffin Mohd. Arif, Kamarlin Ombi, Roslan Suhailin, Sharil Nizam Sha'ri and Daisy Paul. (2019). Endangered intergenerational language transmission: Evidence from the indigenous Dusun society of Sabah, Malaysia. *Pertanika Journal of Social Science & Humanities*, 27(1): 1-12.
- Nurul Atikah Marshid dan Sa'adiyah Ma'alip. (2018). Pemilihan bahasa dalam masyarakat multilingual: Minoriti Siam Peranakan di Alor Setar, Kedah. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(2): 1-14.
- Pandharipande, R. (2002). Minority matters: Issues in minority languages in India. *International Journal on Multicultural Societies*, 4(2): 213-234.
- Pauwels, A. (2016). *Language Maintenance and Shift*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ponto, J. (2015). Understanding and evaluating survey research. *Journal of the Advanced Practitioner in Oncology*, 6: 168-171.
- Pue, G. H. (2018). *Cina Peranakan Kelantan Menerusi Lensa Sosiologi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ravindranath, M. (2009). Language shift and the speech community: sociolinguistic change in a Garifuna community in Belize. *Publicly Accessible Penn Dissertations*, 33: 1-220.



- Reny Wiyatasari. (2019). Sikap bahasa penutur Shimakutuba dialek Uchinaguchi di Prefektur Okinawa. *Kiryoku*, 3(1): 37-44.
- Ritchie, W. C., and Bhatia, T. (2013). Social and Psychological Factors in Language Mixing (2nd ed.). In Tej K. Bahatia., and W. C. Ritchie (Eds.), *The handbook of bilingualism*. (pp. 375-390). United Kingdom: Blackwell Publishing.
- Romaine, S. (2013). The Bilingual and Multilingual Community (2nd ed.). In Tej K. Bahatia., and W. C. Ritchie (Eds.), *The handbook of bilingualism* (pp.445-465). United Kingdom: Blackwell Publishing.
- Rouabah, S. (2020). *Language Shift or Maintenance in Tamazight: A Sociolinguistic Study of Chaouia in Batna, Algeria*. PhD Thesis, University of Essex.
- Sa'adiyah Ma'alip & Rahilah Omar. (2017). Penggunaan Kristang sebagai bahasa komunikasi dalam kalangan masyarakat Portugis di Melaka. *Jurnal Melayu*, Isu Khas 2017: 419-435.
- Sa'adiyah Ma'alip & Rahilah Omar. (2018). Penguasaan bahasa Baba-Nyonya dalam kalangan masyarakat Baba-Nyonya di Melaka. *Jurnal Melayu*, 17(2): 312-327.
- Saeed, R., Ashkan, L., and Arash, N. (2017). Attitude towards Azeri language in Iran: a large-scale survey research. *Journal Of Multilingual And Multicultural Development*, 38(10): 1-11.
- Sallabank, J. (2013). *Attitudes to Endangered Languages: Identities and Policies*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Sarri, U. (2016). *The Linguistic Impact of Migration: The Case of Albanian Immigrant Children in Greece*. PhD Thesis, Aston University.
- Sasse, H. J. (1992). Theory of language death. *Language death: Factual and theoretical explorations with special reference to East Africa*, 7-30.
- Sather, C. A. (1997). *The Bajau Laut: Adaptation, History and Fate in a Maritime Fishing Society of South-Eastern Sabah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Schumann, I. H. (1986). Research on the acculturation model for second language acquisition. *Journal of Multilingual and Multicultural Development*, 7(5): 379-392.
- Sercombe, P. (2020). Identity and Eastern Penan in Borneo. *Journal of Modern Languages*, 30(1): 77-100. <https://doi.org/10.22452/jml.vol30no1.2>
- Simons, Gary F. and Charles D. Fennig. (2018). *Ethnologue: Languages of the World*. Edisi XX. Dallas: SIL International. <http://www.ethnologue.com>.

- Susan, E. T. (2011). An Analysis of the interaction of language, topic, and listener. *American Anthropologist*, 66(6): 86-102.
- Syafrizal and Raden Gunawan. (2018). *Internal and External Factors of Lampungese Language Maintenance in Cikoneng, Banten*. Retrieved from <file:///C:/Users/User/Desktop/Lampung%20Maintenance.2018.pdf>
- Syarif, E., Hasriyanti, H., Fatchan, A., Astina, I. K., and Syarif. S. (2016). Conservation values of local wisdom traditional ceremony Rambu Solo Toraja's tribe south Sulawesi as efforts the establishment of character education. *EFL Journal*, 1(1): 17-23.
- Spolsky, B. (2004). *Language Policy*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Szpiech, R., Shapero, J., Coetzee, A. W., García-Amaya, L., Alberto, P., Langland, V., Johandes, E., and Henriksen, N. (2020). Afrikaans in Patagonia: Language shift and cultural integration in a rural immigrant community. *International Journal of the Sociology of Language*, 266: 33-54.
- Taumoefolau, M., Starks, D., Davis, K., and Bell, A. (2002). Linguists and language maintenance: Pasifika languages in Manukau, New Zealand. *Oceanic Linguistics*, 41(1): 15-27.
- UNESCO Ad Hoc Expert Group on. (2003). *Language vitality and endangerment*. Retrieved from <http://www.unesco.org/culture/ich/doc/src/00120-EN.pdf>
- Vella, L. A. (2018). *Language Attitudes and Ideologies in Malta: A Mixed-Methods Study*. PhD Thesis, Lancaster University.
- Victor, T. K. (1978). Introduction. *Essays on Bornean societies*, In Victor King (Ed.). Oxford: Oxford University Press, 1-36.
- Wa Ode Fitri. (2019). The language shifting in Muna language (A study of Munanese at Pondidaha sub-district) . *Journal of Teaching of English*, 4(1): 42-50.
- Wang, X., and Cheng, Z. (2020). Cross-sectional studies strengths, weaknesses, and recommendations. *CHEST Journal*, 158(1S): S65-S67.
- Wikipedia. (2017). Sama-Bajau. Retrieved from <https://borneohistory57.blogspot.com/2017/03/sama-bajau.html?m=1>
- Wiktionary. (2013). Malay Swadesh List, Retrieved from [https://en.wiktionary.org/wiki/Appendix:Malay\\_Swadesh\\_list](https://en.wiktionary.org/wiki/Appendix:Malay_Swadesh_list)
- Wirayudha Pramana Bhakti. (2020). Pergeseran penggunaan bahasa Jawa Ke bahasa Indonesia dalam komunikasi keluarga di Sleman. *Jurnal Skripta*, 6(2): 28-40.

Yabit Alas. (2019). Tinjauan awal: Revitalisasi bahasa Bisaya di perbatasan Brunei Darussalam dan Limbang Sarawak, Malaysia. *Jurnal Studi Kultural*, 4(2): 80-86.

Yap, B. L. (1995). Social change in the Bajau community of Kota Belud, Sabah. Paper presented at the International Conference on Bajau/ Sama Community, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Yearbook of Statistics Sabah. (1998). Sabah Statistics Department. Retrieved 4.7.2020 from Sabah.com.my/borneotrade/a10.htm

Zuraini Seruji. (2014). *Perubahan Sifat Leksikon Dialek Melayu Sarawak Mengikut Generasi Penutur*. Tesis PhD, Universiti Putra Malaysia.

